

# Peranan Lagu-lagu Patriotik Popular dalam Penjenamaan Bangsa Malaysia

Shazlin Amir Hamzah

## Abstrak

Penjenamaan bangsa adalah sebuah konsep yang masih baru namun luas liputannya. Istilah ciptaan tahun 1996 ini hanya melihat reputasi negara sebagai berfungsi selari dengan imej jenama produk jualan. Kedua-duanya sama penting dalam menentukan kemajuan serta kemakmuran sesebuah negara. Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang maju yang ditubuhkan di zaman kolonial namun ia tidak pernah mewarisi sebarang cadangan dari pihak British untuk mewujudkan sebuah bangsa. Memandangkan bangsa yang disebutkan ini tidak pernah diwarisi, maka wujudlah beberapa usaha dari individu-individu dan kumpulan-kumpulan dari dalam komuniti Melayu untuk mencipta bangsa-idaman mereka masing-masing. Apa yang wujud sewaktu Malaysia mendapatkan kemerdekaannya ialah implementasi salah satu daripada bangsa-bangsa idaman ini yang pada dasarnya berasaskan sifat 'takrifan autoriti' yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Bab ini menghuraikan bagaimana lagu-lagu patriotik popular adalah sebahagian daripada proses penjenamaan bagi memelihara identiti nasional yang dikonstruksi ini sehingga kini meskipun wujud beberapa bantahan dari masa ke semasa. Konsep penjenamaan bangsa yang dijelaskan di dalam bab ini berkisar tentang bagaimana idea sebuah bangsa-idaman itu dinyatakan, disuarakan dan dimanifestasikan dalam negara yang sedang melalui proses penyahjajahan (*decolonization*). Bab ini melihat kepada pembentukan jenama negara Malaysia, atau, Persekutuan Tanah Melayu jika dilihat dari sudut era sebelum 1963, dengan meneliti dua lagu patriotik popular tempatan iaitu Sekapur Sireh Seulas Pinang (1956) dan Tanah Pusaka (1964). Perbincangan memberi fokus kepada kepentingan penjenamaan 'bangsa-idaman' bersifat 'takrifan autoriti' yang disebarkan melalui pengulangan lagu-lagu patriotik popular ini. Simbol-simbol utama dan naratif sejarah kolektif yang dimasukkan ke dalam lagu-lagu ini didapati penting bagi mempertahankan kelangsungan dan ketahanan sifat etnik masyarakat tempatan yang berkongsi sejarah yang sama. Kelangsungan bangsa negara ini memerlukan kepada jaringan-jaringan bangsa-idaman yang tersulam dengan memori tradisional yang bersifat kolektif. Penjenamaan merupakan proses yang diulang secara konsisten oleh pihak yang memerintah untuk mengekalkan bayangan bangsa-idaman ini melalui lagu-lagu patriotik popular.

**Kata kunci:** Penjenamaan negara, penjenamaan bangsa, bangsa-idaman, lagu-lagu patriotik, simbol identity nasional, jenama negara, sejarah kolektif

## Pengenalan

Muzik merupakan nadi masyarakat Asia Tenggara yang tersulam di dalamnya kerumitan budaya-budaya pelbagai komuniti yang kompleks. Komposisi ini menjadi bertambah kompleks kerana termasuk juga di dalamnya susur galur sejarah, mitos, perkara-perkara sihir, ajaib dan mistik, kisah-kisah dongeng rakyat, elemen-elemen linguistik, antropologi dan banyak lagi (Kartomi 1978). Inilah yang menjadi perkara asas yang tidak boleh dipisahkan atau diabaikan apabila meneliti peranan muzik di dalam usaha berterusan sesebuah negara (*state*) menjenamakan bangsa-idamannya. Penelitian sebegini hanya dapat dilakukan dengan sempurna apabila sejarah kepelbagaian persembahan muzik di Malaysia disingkap kerana ia

memberi gambaran tentang riwayat keturunan masyarakatnya. Oleh itu, pemahaman yang lebih mempunyai sifat imaginasi sosiologikal yang disarankan oleh Mills (1970) amatlah perlu di dalam usaha memahami peranan muzik di dalam masyarakat ini. Bangsa-idaman ini sering membuahkan perasaan kasih terhadap negara terutama sekali kasih yang boleh membawa kepada pengorbanan nyawa. Muzik dan lagu adalah aparatus kepada pengembangan semangat nasionalisme dan ia merupakan wahana yang menyebarkan jenama Malaysia terutama sekali yang bersifat ‘takrifan autoriti’.

Perlu difahami bahawa muzik bukan sekadar melambangkan semangat nasionalisme, malah ia turut mengambil bahagian di dalam pembentukan sentimen tersebut. Negara-bangsa yang moden wujud apabila rakyat mula menyanyikan semangat kebangsaan mereka bersama-sama. Inilah yang disebut oleh Benedict Anderson sebagai *unisonance* (Bohlman 2011) iaitu perasaan dan semangat yang satu dalam nyanyian yang dibuat bersama pada waktu yang sama. Muzik telah sekian lama membentuk negara-bangsa Eropah. Ini berlaku apabila ia digabungkan dengan sentimen nasionalisme yang seterusnya melambangkan makna sesebuah negara itu dalam berbagai bentuk. Semasa persembahan perayaan Hari Merdeka dan Citrawarna, rakyat dari pelbagai latarbelakang yang begitu rencam bersatu untuk memberi suara kepada muzik yang dicipta sebagai lambang sebuah jenama bangsa iaitu Malaysia.

Muzik kebangsaan seringkali mewujudkan suasana kolektif sewaktu dipersembahkan dan ini merupakan elemen yang penting bagi bangsa kerana bangsa adalah sesuatu yang bersifat kolektif. Sebagai contoh, kesudahan yang memilukan dalam filem *Les Miserable* dimuatkan dengan senario nyanyian beramai-ramai lagu *Do You Hear the People Sing*. Ini merupakan adegan yang cukup sesuai di dalam filem itu kerana ia berjaya menggambarkan semangat nasionalisme kolektif yang mula terbina sewaktu permulaan Revolusi Perancis sekitar tahun 1789. Inilah suara kolektif rakyat yang menampakkan bahawa semangat kebangsaan berdaulat itu dalam sebuah bentuk yang dapat dikenalpasti. Boleh dikatakan wujud seakan-akan komuniti yang serentak, iaitu sebuah komuniti yang hanya boleh terbentuk hasil daripada kekuatan bahasa yang ada di dalam lagu-lagu. Anderson (1983) pernah menegaskan bahawa pada ketika nyanyian ini dibuatlah individu-individu yang tidak mengenali satu sama lain bersatu menuturkan ayat-ayat dalam melodi yang sama secara serentak. Inilah yang dimaksudkan dengan *unisonality*, iaitu penjelmaan secara lahiriah semangat bangsa-idaman yang wujud apabila sebuah lagu negara dinyanyikan bersama. Keadaan yang sama turut berlaku apabila lagu *Negaraku*, contohnya, dinyanyikan di dalam acara-acara tertentu di Malaysia. Tambah beliau lagi, komuniti bayangan yang dimanifestasikan atau dizahirkan melalui bunyi ini menghubungkan kita semua di saat kita tidak mengetahui siapa atau di mana individu-individu lain yang menyanyikan lagu tersebut di waktu yang sama.

## **Memahami penjenamaan Negara**

Usaha-usaha penjenamaan negara Malaysia secara amnya datang dari dua sumber iaitu pihak kerajaan dan pihak bukan kerajaan yang masing-masing mempunyai kepentingan-kepentingan mereka tersendiri. Perlu diingat bahawa sebagai sebuah negara pasca-kolonial, Malaysia sudah ditanami dengan pengaruh-pengaruh budaya luar dari era pra-kolonial yang disulam-kait sepanjang sejarahnya sehingga terbentuknya lanskap sosiopolitik yang dapat dilihat kini. Dalam masa yang sama, proses campur gaul yang berterusan di antara integrasi, penyeragaman, kemajmukan dan kepelbagaian serta penyatuan dan kompromi memberi kesan terhadap realiti sosial ‘takrifan harian’ dan ‘takrifan autoriti’. Pihak kerajaan mendukung bangsa-idaman yang hakikatnya adalah sebuah konstruk atau binaan identiti nasional yang dikomodifikasi dan disebarikan melalui media massa secara berterusan dan

berulang menggunakan bajet yang cukup besar. Hanya pihak kerajaan sahaja yang berkemampuan untuk membuat pelaburan sebegitu besar dalam mempromosikan jenama negara yang diidamkan melalui saluran media massa yang komprehensif.

Proses penjenamaan berterusan yang dijalankan oleh pihak kerajaan diterima oleh khalayaknya tersendiri. Dalam konteks ini, khalayak bagi penjenamaan ini bukan sekadar yang dimaksudkan di dalam Kamus Oxford (2010) iaitu: penonton atau pendengar yang berkumpul di acara awam; orang-orang yang menonton atau mendengar program televisyen atau radio, dan pembaca akhbar, majalah, atau buku. Dalam proses penjenamaan negara, khalayak terdiri daripada pihak kerajaan (atau pihak-pihak yang bernaung di bawah kerajaan) sendiri dan/atau pihak-pihak bukan kerajaan. Antara contohnya ialah badan-badan kerajaan, institusi-institusi swasta, syarikat-syarikat, individu-individu, badan-badan bukan kerajaan dan sebagainya. Kemudian, di dalam setiap organisasi ini, jenama bangsa Malaysia itu disaring melalui berbagai lapisan kerana setiap organisasi ini tentu ada interpretasi dan manifestasi tersendiri berkenaan apa sebenarnya jenama negara itu melalui perspektif dan kaca mata ideologi masing-masing. Lanjutan dari ini, proses ini melahirkan pula berbagai manifestasi bangsa-idaman yang disebarkan dengan menggunakan salura media massa yang pelbagai termasuklah muzik dan lagu-lagu patriotik popular. Sepanjang proses ini, kepelbagaian dan kerencaman di dalam manifestasi bangsa-idaman ini menghasilkan pula berbagai makna dan kefahaman bangsa lain yang koheren mahupun bersaing.

Adalah menjadi kepentingan bagi sesebuah jenama dan imej negara itu diwujudkan. Pengiklanan kemudiannya membantu menghubungkan imej ini dengan makna jenama itu untuk persekitaran sosial pengguna. Penjenamaan memberi hubungan yang peribadi kepada pengguna. Anholt (2007) menegaskan bahawa penjenamaan adalah proses mereka bentuk, merancang dan menyampaikan makna nama dan identiti bagi membina reputasi sesebuah produk. Ia adalah sebuah proses mencipta makna khusus yang dapat menjadikan ia berbeza di pasaran dan dalam kategori produk tersebut (Wells et al. 2007). Penjenamaan adalah agenda syarikat-syarikat memecahkan acuan persamaan di dunia ini yang dipandu oleh kepesatan globalisasi. Kebanyakan produk dan perkhidmatan dijadikan hampir sama maka tidaklah dapat dibezakan antara satu sama lain. Oleh itu, penjenamaan memasukkan nilai-nilai ke dalam persepsi pengguna berkenaan sesebuah produk atau perkhidmatan agar ia dapat menembusi acuan persamaan ini dan menjadi ketara.

Istilah Penjenamaan Bangsa (*Nation Branding*) dicipta oleh Simon Anholt (2007) pada tahun 1996 apabila beliau mula melihat bahawa reputasi negara itu menyerupai imej jenama produk – masing-masing perlu dibina, diurus dan dijaga sebaik mungkin. Sejak mencipta istilah itu, Anholt melebarkan lagi skop penyelidikannya tentang penjenamaan dan identiti nasional. Beliau mula menyedari bahawa konteks am teori jenama yang meliputi pembelian, penjualan dan aktiviti mempromosikan barangan pengguna tidak menjelaskan beberapa perkara berkenaan dengan identiti nasional. Antaranya ialah sifat persepsi dan kenyataan, hubungan antara objek dan representasi mereka, fenomena psikologi khalayak ramai, misteri identiti kebangsaan, kepimpinan, budaya dan perpaduan sosial serta banyak lagi elemen yang menyelubungi sebuah jenama negara. Jenama negara merupakan reputasi sesebuah negara tertentu. Pada pandangan Anholt (2007), keadaan ini tidak banyak berbeza dengan produk barangan. Produk dan syarikat juga mempunyai imej jenama yang diwujudkan melalui pengiklanan dan pemasaran berterusan yang mana reputasi yang terhasil daripadanya adalah imej yang boleh memberi kesan besar kepada negara dan juga persepsi rakyat.

Anholt (2009) menyamakan jenama bangsa dengan identiti persaingan. Ini menurutnya berasaskan teori yang menyebut bahawa sesebuah kerajaan perlu mengenali dan memahami secara jelas apakah idea di sebalik pembinaan identiti bangsanya. Pembinaan ini haruslah suatu yang positif dan boleh dipercayai. Kerajaan negara itu kemudian perlu menguruskan keenam-enam perkara yang disenaraikan di atas bagi membuktikan dan memperkukuhkan idea identiti bangsa ini kepada pihak media. Ini menurut beliau, akan menyediakan kerajaan peluang yang baik untuk membina dan mengekalkan identiti negara yang mampu berdaya saing samada di dalam mahupun juga luar negara untuk manfaat semua pihak yang berkepentingan.

### **Semangat nasionalisme dan lagu-lagu patriotik popular**

Semangat nasionalisme boleh dirasakan melalui lagu-lagu patriotik pada bila-bila masa sahaja. Lagu-lagu mempunyai sifat mudah dilentur maka ia boleh dibentuk untuk dijadikan jentera pihak kerajaan menyuarakan penjenamaan bangsa yang diidamkan. Lagu patriotik mempunyai keupayaan untuk menyampaikan riwayat dan sejarah mitos masyarakat sekaligus mengubah elemen-elemen ini menjadi kepercayaan yang diterima-pakai di peringkat nasional. Lagu dari genre ini juga berkebolehan untuk menjadi penanda sempadan dan ini akan membolehkan pihak kerajaan mengasingkan mereka yang diperaku sebagai tergolong di dalam sesebuah komuniti dan siapa pula yang dikecualikan biarpun perkara ini berlaku secara abstrak. Ia juga boleh meningkatkan kualiti bangsa-idaman yang dijenamakan. Dalam masa yang sama ia dapat membuatkan sesebuah masyarakat itu lupa akan waktu-waktu tertentu dalam lipatan sejarah mereka. Sejurus terbentuknya negara-bangsa Eropah sesudah berlakunya era pencerahan, mereka mula sedar akan keperluan untuk mewujudkan simbol-simbol baru serta bunyi-bunyian yang akan memberi irama kepada budaya yang dikongsi di dalam sejarah selama mana pun sejarah tersebut. Lagu-lagu patriotiklah yang merupakan alat yang boleh dibentuk untuk disertakan selari dengan perkembangan negara-bangsa Eropah yang mula terbentuk sejak abad ke lapan belas sehingga kini. Bagi Persekutuan Tanah Melayu, sebuah lagu patriotik telahpun memainkan peranan ini pada tarikh 31 Ogos tahun 1957 di hadapan orang ramai yang berkumpul di Stadium Merdeka untuk menyaksikan Tunku Abdul Rahman melaungkan, “Merdeka!, Merdeka!” dengan bangganya. Lagu kebangsaan negara Britain iaitu God Save the Queen dimainkan untuk kali terakhir di stadium tersebut sambil bendera Union Jack diturunkan. Buat pertama kalinya, Negaraku berkumandang hasil dari persembahan hebat The Federation of Malaya Police Band.

Perkara pokok yang menjadi asas kepada pengisian lagu-lagu patriotik ini serta setiap simbol yang mewakili sentimen cintakan negara itu adalah semangat nasionalisme. Sebagai sebuah subjek akademik, teori nasionalisme hanya mula dikenali sekitar separuh pertama abad kedua puluh meskipun ideologi serta gerakannya telah banyak memainkan peranan di dalam membentuk negara-negara bangsa seluruh dunia. Para sarjana bukan sahaja tidak menganggap ianya subjek yang penting, malah memandang rendah terhadap idea and konsep ini sehinggalah tahun 1970an. Apabila ia mula menjadi fokus yang bernilai serta berfaedah, ahli-ahli sains sosial mula sedar bahawa konsep bangsa dan nasionalisme ini serasi serta saling melengkapi proses modernisasi. Menurut Özkırımlı (2000), disebabkan minat yang mula bercambah ini, beberapa buah buku telah diterbitkan sebagai contoh *Nations Before Nationalism* yang ditulis oleh John Amstrong (1982), *Imagined Communities* yang ditulis oleh Benedict Anderson (1983), *Nations and Nationalism* yang ditulis oleh Ernest Gellner (1983), *The Invention of Tradition* yang ditulis bersama oleh Eric Hobsbawm dan Terence Ranger (1983), dan tentu sekali *The Ethnic Origins of Nations*, hasil tulisan Anthony Smith’s pada tahun 1986. Debat-debat serta hujah-hujah kontemporari yang segar masih dibuat

berkenaan konsep ini bukan sahaja oleh pakar sejarah malahan juga ahli sosiologi serta saintis politik.

Pakar-pakar teori *modernist* melihat bangsa sebagai konstruk yang dibina melalui dan oleh sejarah. Mereka menegaskan bahawa bangsa dan nasionalisme hanya mula muncul sewaktu Revolusi Perancis dan merupakan produk hasil daripada proses kapitalisme, industrialisme, kemunculan birokrasi negeri, pembedaan dan sekularisme (Smith dalam Özkırımlı 2000). Konsep tersebut tidak wujud di era pra-modern dan hanya menjadi keperluan di zaman moden. Manusia perlu kepada perasaan kekitaan terhadap sebuah negara dan mereka perlu mengisytiharkan kesetiaan mereka terhadap sesuatu unit politik. Biar pun berdepan dengan risiko menjadi sesuatu yang dangkal apabila wujudnya terlalu banyak simbol digunakan, semangat nasionalisme itu sebenarnya ada di mana-mana sahaja di sekeliling manusia. Simbol-simbol ini, sebagai contoh, bendera, boleh diletakkan di merata-rata tempat tanpa sebarang makna kepada yang melihatnya (Billig 1995). Pun begitu, ia merupakan sesuatu yang boleh memberi impak yang begitu signifikan kepada berjuta-juta manusia di seluruh dunia. Ia berkebolehan untuk memberi inspirasi dan ia akan bergema untuk menyentuh setiap individu dalam masyarakat dengan cara yang hanya dapat dibuat oleh agama. Hujahan tiga daripada sarjana *modernist* seterusnya menjadi landasan kerangka konseptual perbincangan di dalam bab ini.

### **Ernest Gellner**

Menurut Gellner (1983), nasionalisme khususnya adalah sebuah prinsip politik yang berpegang kepada pemahaman bahawa unit politik dan unit nasional itu seharusnya selari. Berpaksikan prinsip ini, beliau kemudian memberi takrifan tentang bagaimana nasionalisme boleh menjadi sentimen yang menjana sesebuah pergerakan politik. Sebagai sebuah sentimen, nasionalisme merupakan perasaan marah yang terangsang akibat prinsip yang dilanggar ataupun sebaliknya, kepuasan hasil daripada dasar atau pegangan yang dipenuhi. Sentimen-sentimen sebeginilah yang menjadi penyebab kepada pergerakan-pergerakan nasionalisme. Manakala bangsa pula adalah sesuatu yang dirasai apabila sesebuah masyarakat berkongsi budaya yang sama. Budaya di sini bererti sistem idea, simbol-simbol, ikatan, cara berkelakuan dan berkomunikasi. Sebuah komuniti berkongsi sebuah bangsa apabila ahli-ahlinya sedar dan mengiktiraf bahawa mereka tergolong di dalam budaya yang sama. Oleh kerana itu, Gellner menekankan bahawa potensi untuk wujudnya beberapa bangsa di dalam dunia ini begitu besar. Simbol-simbol yang digunakan di dalam nasionalisme diambil dari imej-imej murni kehidupan harian yang biasa dilihat, seperti pemandangan orang-orang kampung. Representasi-representasi ini dihidupkan semula, dicipta semula, dihantar dan disebarkan melalui lagu-lagu dan tarian. Dalam proses ini, ia diolah dan diubah sehingga menjadi moden.

### **Benedict Anderson**

Menurut Anderson (1983), ideologi kebangsaan dan nasionalisme adalah artifak budaya dan pembinaan yang khusus. Bagi memahami perkara ini, adalah amat penting untuk mengambil kira bagaimana ia wujud dan terbina sepanjang sejarah negara. Perlu difahami bahawa pelbagai makna telah berubah melalui berbagai cara sepanjang perjalanan menyelusuri sejarah pembangunan ini. Perubahan-perubahan ini sehingga hari ini telah menyebabkan makna-makna ini menjadi tuntutan sah dari segi emosi. Melalui perspektif sarjana *modernist* ini, pembentukan pelbagai nasionalisme yang berbeza-beza pada kurun kelapan belas adalah hasil daripada lintasan dan pertindihan kuasa sejarah. Apabila sesebuah

semangat nasionalisme itu diwujudkan, ia menjadi idea bangsa yang dapat disusun dan direka (*reinvented* atau *rebranded*) semula untuk disesuaikan dengan trajektori politik dan ideologi yang berbeza-beza. Artifak-artifak budaya yang digunakan untuk tujuan ini mampu membangkitkan perasaan emosi yang mendalam.

Melalui karya ulung beliau, *Imagined Communities* Anderson (1983), mentakrifkan bangsa sebagai masyarakat politik bayangan. Di sini bayangan membawa maksud bangsa itu wujud di dalam fikiran masyarakat secara terhad dan berdaulat. Bangsa ini dibayangkan kerana ahli-ahlinya tidak akan mengetahui atau mengenali kebanyakan daripada ahli yang lain di dalam komuniti itu mahupun bertemu atau mendengar mereka. Namun begitu, mereka yakin di dalam fikiran mereka setiap individu berhubung sehingga menjadi sebuah komuniti yang bersatu. Ini bermakna bahawa semua masyarakat yang lebih besar daripada komuniti yang saling bersemuka adalah merupakan komuniti bayangan. Komuniti-komuniti ini akhirnya dibezakan melalui cara setiap daripadanya dibayangkan. Penting difahami bahawa perkataan 'bayangan' yang digunakan oleh beliau tidak bermaksud semata-mata sesuatu yang di dalam imaginasi khayalan sahaja tetapi lebih kepada pengertian visual yang penuh makna (Shamsul 1996).

Bagi Anderson (1983), terdapat sebuah mekanisme khusus yang membolehkan komuniti-komuniti ini 'memikirkan' lalu seterusnya membayangkan diri mereka sebagai sebahagian daripada sebuah bangsa. Kelahiran komuniti bayangan (*imagined community*) ini berlaku di Eropah pada abad ke lapanbelas dengan kemunculan media cetak dalam bentuk buku-buku dan suratkhbar. Media cetak inilah, iaitu yang disebut Anderson (1983) sebagai *print capitalism*, yang menjadi mekanisme yang membantu dalam proses menggambarkan representasi sesebuah bangsa bagi setiap komuniti. Perspektif sains sekular telah memperkenalkan konsep 'keserentakan dalam ruang masa kosong yang homogen' dan ini merujuk kepada keadaan di mana masyarakat merasakan hubungan di antara ahli-ahli lain biarpun mereka tidak berjumpa atau saling mengenali. Setiap individu dalam masyarakat mungkin tidak akan pernah bertemu, atau mengenali nama-nama setiap jiran yang mereka ada dan mungkin juga tidak mengetahui langsung apa yang mereka lakukan pada satu-satu masa itu. Namun mereka begitu yakin terhadap aktiviti serentak yang dilakukan setiap individu dalam masyarakat itu dengan bantuan media cetak seperti suratkhbar.

Terdapat berbagai produk yang dihasilkan demi semangat nasionalisme seperti pantun, puisi, prosa, bentuk-bentuk seni visual, muzik dan bermacam-macam lagi yang dihasilkan dan disebarkan melalui media elektronik. Bahan-bahan ini semuanya dapat menzahirkan perasan kasih sayang terhadap bangsa itu melalui berbagai bentuk dan gaya. Ungkapan perasaan kebangsaan di dalam lagu-lagu contohnya, tidak pernah mengandungi elemen kebencian. Yang ada hanyalah sentimen kasih sayang dan cinta terhadap negara dan bangsa. Biarpun sesebuah negara itu pernah berada di bawah genggaman pihak kolonial untuk kadar waktu yang lama, perasaan kasih ini tetap ada untuk tanah yang dipijak dan didiami sepanjang turun-temurun itu. Anderson (1983) menjelaskan bagaimana sentimen kasih sayang ini dizahirkan melalui lagu-lagu patriotik dengan menggunakan bahasa umum yang dikongsi oleh masyarakat itu. Perkara-perkara ini semuanya berkait dengan keindahan perasaan *gemeinschaft* sesebuah bangsa. Bahasa mempunyai kriteria yang berakar umbi dari zaman silam. Oleh kerana itu apabila bahasa dibunyikan di dalam nyanyian, ia dapat mewujudkan sebuah perasaan kesejagatan antara manusia dan ini berlaku serentak bagi setiap individu itu dalam waktu yang sama. Walaupun seringkali gurindam lagu-lagu kebangsaan boleh menjadi klise kerana kerap diudarkan, perbuatan menyanyikannya secara serentak itu menghasilkan sebuah keseragaman di dalam masyarakat. Anderson menggelarkan gambaran ini sebagai

*unisonance*, iaitu sebuah keadaan di mana manusia yang tidak mengenali antara masing-masing menyebut dan membunyikan bait-bait lagu dengan melodi yang sama. Sebagai contoh, nyanyian lagu-lagu seperti *Marseillaise*, *Waltzing Matilda* dan Indonesia Raya yang dilakukan secara serentak akan menimbulkan sebuah keadaan di mana bangsa bayangan itu dapat dirasakan wujud secara zahir. Maka boleh dikatakan bahawa sebuah komuniti itu wujud kerana bahasanya. Bahasa membolehkan manusia memelihara sejarah silam sambil membenarkan masyarakat membayangkan keahlian sejagat yang utuh untuk masa depan.

### **Anthony Smith**

Perspektif yang ditekankan oleh Smith memberi fokus kepada peranan yang dimainkan oleh hubungan etnik serta sentimen yang pernah wujud dalam sejarah sepanjang kewujudan sesebuah negara itu sebelum wujudnya keadaan modern. Para sarjana *ethno-symbolist* menolak pendapat bahawa bangsa hanya dicipta selepas dan kerana era kemodenan semata-mata. Ini adalah kerana pembangunan dan perkembangan sesebuah bangsa itu mestilah melibatkan mitos, kenangan-kenangan silam, nilai-nilai serta simbol-simbol yang telah wujud sejak sebelum era kemodenan lagi. Mereka menolak teori lanjar yang dikemukakan oleh ahli *primordialist* kerana pada mereka transformasi yang dibawa oleh kesan modernisasi juga perlu diberi lebih penekanan. Era modenisasi wujud dari pembetulan-pembentukan sosial dan etnik yang kompleks yakni yang terjadi dalam zaman-zaman yang berbeza. Proses ini melahirkan berbagai-bagai bentuk *ethnie* yang kemudiannya dibentuk pula oleh era modernisasi. Walaubagaimanapun, zaman moden tidak dapat menghapuskan secara total bentuk-bentuk *ethnie* ini (Smith dalam Özkırımlı 2000).

Proses pembinaan negara adalah sebuah proses yang melibatkan ideologi rakyat berdaulat yang berkongsi sejarah dan budaya yang sama. Sejarah dan budaya inilah yang akan menjadi perkara yang bakal disanjung dan diberi penuh kesetiaan. Malah ada yang berikrar untuk sanggup mengorbankan nyawa deminya. Proses ini memerlukan penglibatan masyarakat yang celik politik serta aktif. Maka amat penting bagi kerajaan masyarakat moden itu menyediakan infrastruktur dan institusi-institusi yang akan menyokong keperluan dan minat setiap rakyat. Pendidikan awam yang disemai dengan ciri-ciri kemahiran dan sikap yang perlu bagi menjadi rakyat yang berdedikasi terhadap negara merupakan satu keperluan khusus dalam proses pembinaan negara ini. Perkara yang menjadi faktor paling penting ialah supaya rakyat menghormati undang-undang sekular yang digubal untuk negara tersebut. Sewaktu semua perkara ini diperkenalkan di Eropah setelah berlakunya Revolusi Perancis, ia merupakan sesuatu yang tidak pernah diketahui atau diamalkan sebelumnya. Smith (2001) memetik Durkheim yang pernah menyebut bahawa semangat yang dikongsi bersama ini akan menyebabkan perkara-perkara umum menjadi sesuatu yang kudus. Antaranya ialah tanah air, kebebasan dan akal fikiran.

Manusia mempunyai kecenderungan untuk merasakan kasih yang begitu mendalam terhadap komuniti etnik dan tanah air mereka. Perasaan ini boleh menyebabkan mereka sanggup mengorbankan nyawa sendiri secara fanatik sebagai contoh seperti menjadi pengganas. Menurut Smith (1995) lagi, perkara ini boleh dijelaskan dengan merujuk kepada perspektif *ethno-symbolism* yang memberi fokus kepada peranan sejarah dan sosiologi masyarakat. Sudut pandangan *ethno-symbolism* bertumpu kepada faktor-faktor budaya seperti simbol, memori, mitos, nilai dan tradisi. Jelas di sini penekanan diberikan kepada unsur-unsur subjektif untuk memahami secara mendalam sentimen bangsa dan nasionalisme sesebuah masyarakat itu. Boleh disebutkan di sini bahawa pendekatan ini meliputi skop yang luas kerana ia dapat melihat berbagai jenis semangat bangsa dan nasionalisme yang tumbuh,

bertindan, bergabung, wujud bersama-sama dan juga yang bersaing sepanjang tempoh tersebut. Sebagai seorang sarjana *ethno-symbolist*, Smith (1995) percaya bangsa dan semangat nasionalisme hanya dapat difahami melalui kajian yang melibatkan identiti budaya kolektif yang dijalankan dalam proses yang disebut sebagai *la longue durée*. Proses ini akan memperlihatkan bagaimana hubungan manusia yang bersulam kait dari dahulu hingga kini dan kemudiannya akan terus bersambung hingga ke masa hadapan tidak mungkin berada di atas sebuah garisan yang lurus. Hal ini kerana terdapat berbagai-bagai faktor tekanan luaran serta keadaan-keadaan lain yang akan mempengaruhi sejarah manusia tersebut.

Pendekatan ini memberi fokus kepada kemunculan bangsa-bangsa yang berbeza di dalam konteks budaya kolektif terdahulu yang wujud di dalam era sebelum modenisasi. Perkara pokok yang menjadi pertimbangan teoretikal bagi sarjana-sarjana *ethno-symbolist* adalah bahawasanya sejarah objektif sama pentingnya dengan naratif sesebuah negara yang seringkali bercampur dengan aspek emosi. Kekuatan dan daya tahan bangsa dan semangat nasionalisme perlu diperjelaskan dengan kajian-kajian yang mengambil-kira cerita-cerita serta gambaran-gambaran yang sering menyentuh hati sesebuah masyarakat itu. Mereka ini pula sebaliknya akan memberi impak dan menentukan apa yang penting dan menarik untuk dimuatkan dalam naratif pembangunan bangsa mereka itu. Maka dapatlah dikatakan bahawa ini merupakan sebuah proses dua hala dari atas ke bawah dan sebaliknya. Naratif bangsa yang dimaksudkan ini termasuklah tradisi mitos popular, simbol-simbol dan kenangan-kenangan yang seringkali digembur melalui tiupan semangat nasionalisme. Sekiranya elemen-elemen ini dipinggirkan maka pemahaman terhadap kebangkitan bangsa dan semangat nasionalisme itu akan menemui kegagalan.

### **Dendangan jenama Malaysia di dalam Sekapur Sirih Seulas Pinang dan Tanah Pusaka**

Lanskap muzik di Alam Melayu melalui berbagai perubahan sejurus tibanya era kurun kesemilan belas. Secara amnya, muzik Melayu boleh dikategorikan sebagai sama ada tradisional atau moden. Sememangnya sukar membezakan atau mengasingkan kedua-duanya oleh kerana kepayahan mengesan sejarah masing-masing yang menjangkau ratusan tahun sebelum ini. Namun begitu, Matusky dan Tan (2004) pernah membuat kajian menyeluruh dan memerhati serta menyusun koleksi maklumat mengenai variasi muzik di Malaysia. Dalam usaha kita memahami lanskap muzik masyarakat Malaysia ini, sejarah negara perlu diselami dan difahami dahulu. Matusky dan Tan menyebut bagaimana kategori-kategori lagu-lagu Melayu ini bersulam tindih dari segi seni persembahan bunyinya dan juga makna senikatanya sepanjang zaman. Bab ini menghuraikan serta memberi intepretasi terhadap dua lagu kategori patriotik popular tanah air iaitu Sekapur Sireh Seulas Pinang yang dicipta pada tahun 1956 dan Tanah Pusaka yang dicipta pada tahun 1964.

#### Sekapur Sirih Seulas Pinang (1956)

*Sekapur sireh, sekapur sireh*

*Seulas pinang*

*Diberi bekal buat perangsang*

*Pergilah intan, pergi intan, pergilah sayang*

*Ke tengah medan, ke tengah medan, pergilah berjuang*

*Biarlah gugur, biarlah gugur, bertumpah darah*

*Biar berlempar, biar berlempar di medan perang*

*Janganlah undur, Janganlah undur menyerah kalah*

*Pantang pendekar, pantang pendekar di tengah gelanggang.*

*Janganlah sedih, Janganlah sedih meninggal kami*



*Senjata disandang, senjata disandang sebagai ganti  
Kami berdoa, kami berdoa setiap hari  
Selamat pergi, selamat pergi, selamat kembali  
(P. Ramlee 1956)*

Lagu Sekapur Sireh Seulas Pinang ini dipetik dari filem Semerah Padi arahan P. Ramlee yang dinyanyikan oleh Saloma. Ia dirakam ke dalam rekod Parlophone 78 rpm DPE pada tahun 1956 sewaktu Saloma masih lagi menggunakan nama asalnya iaitu Salmah Ismail. Beliau kemudian merakamkan semula lagu ini pada tahun 1973 apabila sudah masyhur dengan gelaran Saloma. Lagu ini adalah sebuah persembahan lagu dan tarian oleh penari-penari istana kepada pahlawan-pahlawan dan sukarelawan-sukarelawan yang dihantar oleh ketua kampung ini untuk mempertahankan Semerah Padi daripada musuh. Di akhir persembahan ini, penyanyi utama dan para penari berjalan menghampiri para perajurit. Ketika melutut dan memegang pisau di depan mereka, penari utama menyebut, “Tuhan selamatkan pahlawan Semerah Padi.” Para penari ini sejurus itu menyerahkan pisau-pisau yang dipegang mereka kepada setiap pahlawan tersebut. Dalam bait “Diberi bekal buat perangsang”, daun sireh dikatakan diberi untuk membangkitkan semangat tentera yang akan bertolak untuk berjuang.

P. Ramlee banyak menggunakan kiasan dalam menyampaikan mesejnya yang terpacu dengan semangat patriotisme dan kesetiaan. Suara nyanyian di dalam lagu ini adalah suara seorang perempuan yang boleh dikatakan mewakili isteri, kekasih, ibu, anak, mahupun kakak atau adik perempuan yang merelakan pemergian orang tercinta berjuang untuk negara. Lagu ini bermula dengan baris, “Sekapur sireh, sekapur sireh, seulas pinang” dan ini merujuk kepada daun sirih dan bijinya. Daun sireh merupakan simbol dalam budaya Melayu yang digunakan pada permulaan berbagai-bagai jenis perjumpaan dan urusan. Ia digunakan sebagai penanda akan rasminya perjumpaan itu. Di dalam filem tersebut, tepak sirih kerap dilihat diletakkan di tikar di mana keluarga atau pasangan-pasangan dilihat sedang makan. Ini biasanya adalah di bahagian tengah-tengah rumah. Perkara yang turut menarik diperhatikan adalah bagaimana P. Ramlee memulakan filem dengan adegan perjumpaan di antara Dara dan Aduka setelah mereka berdua bekerja bersama di sawah padi. Di dalam perjumpaan itu, Dara menawarkan Aduka sirih dan pinang dan dia dengan senang hati memakannya. Senario ini, dan juga banyak adegan-adegan lain di dalam filem ini jelas meletakkan daun sirih dan pinang sebagai sebuah simbol yang utama dan penting di dalam adat dan kehidupan orang-orang Melayu.

Daun sirih sering digunakan sebagai simbol bagi banyak acara dalam budaya kehidupan etnik Melayu. Ia merupakan hadiah utama dalam pertukaran antara dua keluarga ketika acara pertunangan Dara dan Taruna. Memandangkan ia dianggap sebagai simbol penting, ia turut digunakan sebagai tanda kekuatan dan kekuasaan. P. Ramlee seterusnya menggunakan perkataan intan di dalam lagu ini dan ia sebenarnya merujuk kepada para perajurit yang diamanahkan keluar berperang itu. Semangat perjuangan mereka diperkuatkan melalui baris, “Pergilah intan, pergi intan, pergilah sayang”. Medan yang dimaksudkan di dalam lagu ini merujuk kepada medan perang dan gambaran medan perang ini seharusnya bermain di fikiran pendengar.

“Biar berlempar, biar berlempar di medan perang.” Baris ini, memberi sebuah gambaran suasana pilu pejuang-pejuang yang terkorban jatuh bergelimpangan di medan perang. Ini membawa sebuah makna yang mana kematian di dalam keadaan ngeri dan berlumuran darah ini adalah sesuatu perjuangan dan pengorbanan yang diterima secara umum. Para pejuang tidak boleh mengalah ataupun berundur kerana perbuatan mengalah adalah perkara yang

mengaibkan buat mereka kerana ia bertentangan dengan sifat dan semangat yang kuat demi mempertahankan martabat bangsa. Lagu ini memperlihatkan bahawa meninggalkan isteri, kekasih, keluarga atau keseluruhan masyarakat untuk mempertahankan bangsa seharusnya bukanlah sesuatu yang menyedihkan. Pengorbanan ini memerlukan keberanian tinggi, namun perajurit yang berjuang untuk agama, bangsa dan negara sentiasa sanggup melakukannya. Seringkali warkah-warkah cinta dijadikan pengganti diri bagi mereka yang ditinggalkan. Namun khas untuk perajurit-perajurit negara, senjata adalah yang menjadi pengganti diri mereka. Dapat dibayangkan bahawa ini menggambarkan bagaimana si isteri itu sering dibawa bersama apabila pahlawan-pahlawan ini pergi berperang, biarpun dalam bentuk semangat yang dikatakan melekat pada senjata-senjata mereka. Pada lagu ini, Saloma mendoakan kebaikan untuk prajurit yang bakal berangkat. Di hujungnya, beliau menyisipkan harapan agar mereka pulang dengan menyebut “selamat kembali”. Kepulangan pejuang-pejuang negara membawa erti mereka telah menang di dalam pertempuran lalu membawa kejayaan tersebut pulang. Doa merupakan unsur yang penting dan ia dipanjatkan secara berterusan. Lagu ini ditulis untuk Semerah Padi iaitu sebuah kampung yang ditadbir berlandaskan ajaran Islam maka oleh itu unsur-unsur dan simbolisme representasi agama, bangsa dan tanahair didapati berselirat di dalam filem ini.

### Tanah Pusaka (1964)

*Sungguh gemilang negri-ku  
Yang ku puja oh Tanah Melayu  
Di-merata dunia  
Harum semerbak nama mu oh Malaysia  
Aman ma'mur kaya raya  
Sudah lama hidup maju jaya  
Ohh tanah pusaka  
Negaraku yang berdaulat dan merdeka  
Tanah pusaka bertuah  
Berbagai bangsa di-dalam-nya  
Hidup aman dan berjasa  
Bertekun kerja untok M'laysia  
Musoh melanggar ku gempur  
Sunggoh rela ku gugor kerana  
Ohh tanah pusaka  
Biar puteh tulang jangan puteh mata*

**(Ahmad Merican 1964)**

Lagu Tanah Pusaka ini mengagungkan kehebatan sebuah bangsa yang baru dibentuk dan akan diwarisi oleh generasi-generasi mendatang. Melodi yang dicipta oleh Ahmad Merican ini dihiasai dengan teks lagu yang ditulis oleh Wan Ahmad Kamal. Ia bertujuan untuk mengajak para pendengar supaya percaya kepada kegemilangan tanah yang diwarisi iaitu Tanah Melayu yang pada waktu ini sudah dibentuk sebagai Malaysia dengan penggabungan bersama Sabah dan Sarawak.

Menarik dilihat di dalam teks lagu ini bahawa Wan Ahmad Kamal merujuk kepada negara ini sebagai ‘Tanah Melayu’ walaupun akhirnya beliau menyebutnya sebagai Malaysia. Beliau boleh dikatakan membuat pengakuan tentang siapakah pemilik tanah ini yang asal. Apabila Tanah Pusaka dirakam semula beberapa tahun kemudian, istilah Tanah Melayu digugurkan dan ditukar kepada Tanah Airku. Pada asalnya lagu ini dinyanyikan oleh seorang penyanyi Belanda dari Indonesia yang bernama Sandra Reemers. Oleh kerana beliau bukan seorang

Melayu, pihak RTM dipertanggungjawabkan untuk mencari seorang penyanyi etnik Melayu untuk menyanyikan lagu itu. Maka Jamaluddin Alias dipanggil bagi melaksanakan tugas ini (Mohamad Hashim 2014).

Di dalam baris “Harum semerbak nama mu oh Malaysia”, Wan Ahmad Kamal menggesa pendengar menghargai dan memuji Malaya sebagai tanah yang diwarisi. Setelah kemerdekaannya pada tahun 1957, dunia mula mengetahui lebih banyak tentang negara ini. Di waktu selepas penubuhan Malaysia, namanya telah terukir dan diletakkan di dalam peta dunia. Malaysia kemudiannya mula mempunyai kedutaan di banyak negara di seluruh dunia yang bermakna negara ini diiktiraf oleh seluruh dunia. Negara ini digambarkan sebagai kaya dan aman di mana rakyatnya hidup dalam kemakmuran dan kemajuan. Apabila ‘aman makmur’ disebut di dalam lagu ini, ia merujuk kepada penerimaan serta pengakuan bahawa perpaduan di antara kumpulan-kumpulan etnik di dalam negara ini wujud walaupun terdapat perbezaan di antara mereka. Oleh yang demikian, biarpun tanahair ini milik Melayu seperti yang disebut di dalam teks lagunya, asimilasi yang tinggi turut diakui wujud untuk tempoh yang lama dan ini dibuktikan oleh keadaan yang harmonis.

*Ohh tanah pusaka  
Negaraku yang berdaulat dan merdeka*

Di dalam rangkap di atas ini, Wan Ahmad Kamal mendakwa negara adalah pusaka yang berharga untuk rakyatnya hari ini dan apa yang diwarisi secara khususnya adalah kemerdekaan dan kedaulatannya. Beliau sebenarnya menyisipkan peringatan ke dalam lagu ini bahawa Malaysia merupakan negara yang mana dasarnya adalah sistem raja berperlembagaan yang diketuai oleh Yang di-Pertuan Agong.

Baris “Tanah pusaka bertuah ... Berbagai bangsa di-dalam-nya” memberi penekanan lagi kepada kewujudan asimilasi yang disebut di awal teks lagu ini. Tanah pusaka ini dikatakan sebuah tempat yang sungguh bertuah kerana mempunyai di dalamnya masyarakat yang datang dari berbagai latar belakang sejarah, pertalian, kepercayaan dan kaum etnik. Sebagai sebuah negara maritim, Semenanjung Tanah Melayu sememangnya sudahpun menjadi sebuah negara multi-etnik sebelum kemerdekaannya pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963 menambah kepada perkembangan ini. Populasi Malaysia pada 2010 ialah 28.3 juta Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Shamsul (2012). Malaysia mempunyai lebih dari 70 kumpulan etnik di samping kumpulan-kumpulan lain yang mewakili berbagai-bagai sub-etnik dengan bahasa dan loghat yang berbeza. Sekiranya dikumpulkan angkanya boleh mencapai lebih dua ratus kumpulan (Shamsul 2012).

Di dalam baris “Hidup aman dan bersama, Bersatu kerja untuk M’laysia,” Wan Ahmad Kamal melakar gambaran bagaimana semua kumpulan penduduk pelbagai etnik berusaha dan bekerjasama untuk mencapai satu matlamat iaitu pembangunan dan kemajuan negara. Rasa sayang terhadap negara membuatkan mereka yang mendengar lagu ini merasakan satu ikatan serta semangat kekitaan. Ikatan ini begitu utuh sehinggakan individu masyarakat ini rela mati demi negara dalam pertempuran dengan musuh. Di dalam baris “Kau tanah pusaka, Biar putih tulang dangan putih mata”, Wan Ahmad Kamal menekankan lagi bagaimana negara ini adalah tanah warisan dan mesti dipertahankan waima apa cara sekalipun. Biarkan mereka mati dalam pertempuran mempertahankan negara sehingga berputih tulang kerana itu lebih mulia dari kehilangan negara. Pepatah di baris terakhir meluahkan sentimen ini.

Kedua-dua lagu patriotik ini dikategorikan sebagai popular dan malar kerana masih dinyanyikan dan digunakan sehingga kini di dalam berbagai-beagai jenis majlis untuk berbagai jenis tujuan. Keperluan lagu-lagu yang seragam dan dapat dinyanyikan bersama adalah menjadi asas kepada semangat nasionalisme masyarakat modern seperti yang dijelaskan oleh Gellner, Ander dan Smith. Namun begitu, sebagai sebuah negara modern pasca-kolonial,

Biarpun semangat nasionalisme Malaysia sebagai sebuah negara pasca-kolonial itu disebut sebagai dicipta (*invented*), di dalam proses negara berulang kali dijenamakan, simbol-simbol kekitaan masih perlu kepada perkara-perkara *ethnosymbolist* di dalam sejarah kolektif yang dikongsi bersama.

## Kesimpulan

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang maju yang ditubuhkan di zaman kolonial namun ia tidak pernah mewarisi sebarang cadangan dari pihak British untuk mewujudkan sebuah bangsa. Memandangkan bangsa yang disebutkan ini tidak pernah diwarisi, maka wujudlah beberapa usaha dari individu-individu dan kumpulan-kumpulan dari dalam komuniti Melayu untuk mencipta bangsa-idaman mereka masing-masing. Secara ringkasnya apa yang Malaysia ada pada waktu kemerdekaannya ialah implementasi salah satu daripada bangsa-bangsa idaman ini yang pada dasarnya berasaskan sifat ‘takrifan autoriti’ yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Bab ini menghuraikan bagaimana lagu-lagu patriotik popular adalah sebahagian daripada proses penjenamaan bagi memelihara identiti nasional yang dikonstruksi ini sehingga kini meskipun wujud beberapa bantahan dari masa ke semasa.

Konsep penjenamaan bangsa yang dijelaskan di dalam bab ini berkisar tentang bagaimana idea sebuah bangsa-idaman itu dinyatakan, disuarakan dan dimanifestasikan dalam negara yang sedang melalui proses penyahjajahan (*decolonization*). Oleh kerana Malaysia mewarisi negara berkerajaannya tetapi tidak bangsanya maka ia disebut sebagai ‘negara-tanpa-bangsa’. Shamsul (2014) menegaskan pentingnya dibezakan antara ‘negara’ dan ‘bangsa’. Meskipun kedua-dua istilah ini sering ditukar-tukar mengikut keadaan bagi menyenangkan wacana yang pelbagai, namun perbezaan konsep kedua-duanya penting difahami. Istilah ‘negara’ (*state*) merupakan konsep abstrak yang merujuk kepada entiti politik yang terikat kepada sebuah sistem tadbir urus. Oleh itu, kita sebenarnya merujuk kepada negara ini apabila mengguna frasa-frasa seperti “Malaysia yang merdeka”, atau “kerajaan Malaysia”. Lagu kebangsaan *Negaraku* juga merujuk kepada konsep negara ini. Apabila dimainkan, kita hendaklah berdiri sebagai tanda hormat sama seperti apabila bendera negara dikibarkan.

Selain konsep ‘negara’, terdapat juga konsep ‘bangsa’ yang secara automatik berkaitan dengan konsep bangsa dalam konteks Eropah. Bangsa membawa maksud masyarakat yang diharapkan bagi sesebuah negara yang wujud atas dasar bahasa yang dikongsi bersama, budaya, kepercayaan agama dan pendidikan. Dalam erti kata lain, apa yang diharapkan ialah pembinaan sebuah bangsa yang bersatu padu di dalam sebuah negara. Konsep sebuah negara-bangsa itu pada hakikatnya adalah suatu yang rumit meskipun maklum difahami setakat ini bahawa negara-negara yang melalui penyahjajahan mewarisi unsur-unsur bangsa seperti contohnya identiti yang dikongsi bersama. Ini adalah kerana adanya negara-tanpa-bangsa dan bangsa-tanpa-negara. Shamsul A. B. diletakkan sebaris dengan Benedict Anderson sebagai pakar antropologi bidang nasionalisme dan idea-idea nasionalis yang telah mengeluarkan konsep bangsa-idaman (*nations-of-intent*) khusus bagi negara-negara pasca-kolonial yang

telah mendapat kemerdekaan mereka dengan cara yang cukup berbeza daripada negara-negara Barat (Owen 2005). Penjelasan ini jelas menjadikan proses penjenamaan semula negara Malaysia, yang diusahakan oleh kerajaan yakni yang bersifat *authority defined* itu sebuah usaha yang perlu disebut sebagai 'penjenamaan bangsa' Malaysia

Setiap perbincangan mengenai pembentukan negara bagi negara-negara pasca-kolonial seperti Malaysia adalah sebenarnya bicara tentang pembangunan negara bagi negara sedia ada yang masih mengidamkan bangsanya. Amat penting bagi Malaysia membina bangsa ini disebabkan terdapatnya begitu banyak idea baginya yang dikeluarkan oleh berbagai-bagai pihak. Sehingga ke hari ni, terdapat pelbagai jenis bangsa-idaman yang telah dicadangkan oleh berbagai-bagai parti tidak hanya di Semenanjung, malahan di Sabah dan juga Sarawak. Apa pun keadaannya, tidak ada apa pun yang dapat menghalang mana-mana negara dari menggunakan versi bangsa yang dipilih oleh kerajaannya dan seraya itu membelanjakan wang begitu besar ke atas pelaksanaannya.

Menurut Smith (1995), kesinambungan dan kelangsungan, iaitu survival etnik bergantung kepada gaya hidup dan sistem kebudayaan unik sesebuah masyarakat yang bebas. Kelunturan budaya yang diakibatkan oleh lupusnya sesebuah demografi ataupun percampuran dengan populasi migran boleh mencairkan sesebuah komuniti itu. Kapasiti survival unsur-unsur etnik bagi sesebuah komuniti disokong oleh sikap, sentimen dan persepsi yang tersulam di dalam mitos, simbol, dan nilai-nilai masyarakatnya. Lagu-lagu yang disertakan di dalam bab ini iaitu Sekapur Sireh Seulas Pinand serta Tanah Pusaka memainkan peranan ini seraya menjadi penyebar sentimen nasionalisme ini melalui radio secara berulang-ulang. Inilah yang dinamakan sebagai proses penjenamaan bangsa ayang berterusan. Jelas dilihat daripada bait-bait senikata lagu-lagu ini bahawa jenama Malaysia, ataupun pada waktu Sekapur Sireh Seulas Pinang dicipta, Persekutuan Tanah Melayu, dihiasi oleh simbol-simbol sejarah yang dikongsi bersama. Sejarah yang dipegang oleh pihak yang memajukan penjenamaan ini iaitu kerajaan yang memerintah, adalah sejarah Melayu yang semestinya merujuk kepada adat-adat Melayu seperti kepentingan penggunaan sirih dan sesungguhnya istilah 'tanah pusaka' itu sendiri. Penting difahami bahawa unsur-unsur ini tertanam dan terbenam (*embedded*) di dalam tradisi dan bentuk-bentuk budaya kolektif komuniti itu. Smith (1995) menegaskan lagi bahawa sifat sesebuah populasi itu diwarnai oleh bentuk-bentuk tradisi yang tertanam dengan mitos-mitos, memori dan simbol-simbol yang kekal biarpun mungkin berubah dengan peredaran masa. Oleh itu menurut beliau lagi, kelangsungan dan survival sesebuah *ethnie* itu bergantung kepada kesinambungan bentuk-bentuk tradisi etnik dalam kadar dan daya yang mencukupi agar dapat mempengaruhi dan mengikat sentimen-sentimen populasi itu. Walaupun perubahan-perubahan semestinya akan berlaku kepada bentuk-bentuk mitos dan tradisi ini dari masa ke semasa, namun kepentingannya akan tetap hidup dan berkembang sehingga disebarkan pula kemudiannya kepada generasi akan datang.

Penghargaan

Kertas kerja ini adalah berasaskan penyelidikan yang dibiayai oleh geran Arus Perdana AP-2017-001/1.

## Rujukan

- Ahmad Merican. 1964. "Tanah Pusaka" Record of Radio Malaysia Kuala Lumpur. RMEP 13-B. 45 PSM. Rakam Khanah P. Ramlee, Radio Televisyen Malaysia: Jabatan Penyiaran Malaysia, Angkasapuri, 2014.
- Anholt, S. 2007. *Competitive Identity: The New Brand Management for Nations, Cities and Region*. New York: Palgrave Macmillan.
- Anholt, S. 2009. From nation branding to competitive identity – the role of brand management as a component of national policy. Dlm. Dinnie, K. (pnyt.). *Nation Branding: Concepts, Issues, Practice*. Hlm. 22 – 31. Oxford: Elsevier.
- Anderson, B. 1983. *Imagined Communities – Reflections On The Origin and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Billig, M., 1995. *Banal nationalism*. London: Sage Publications Ltd.
- Bohlman, P.V. 2011. *Music, Nationalism and the Making of the New Europe*. Edisi ke-2. New York: Routledge.
- Gellner, E. 1983. *Nations and nationalism*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Kartomi, M.J., Gildsworthy, D., Falk, C. & Kornhauser, B. 1978. *Studies in Indonesian Music. Monash Papers on Southeast Asia – No. 7* Melbourne: Centre of Southeast Asian Studies, Monash University.
- Mills, C.W. 1970. *The Sociological Imagination*. Harmondsworth: Penguin Books.
- Mohammad Hashim. 2014. Sejarah RTM, lagu-lagu klasik dan filem-filem Melayu. Temu bual, 23 Julai.
- Oxford Dictionary. 2010. Edisi ke-3. Oxford: Oxford University Press.
- Özkırımlı, U. 2000. *Theories of Nationalism: A Critical Introduction*. New York: St. Martin's Press, Inc.
- Owen, N.G. (pnyt.) 2005. *The Emergence of Modern Southeast Asia: A New History*. Honolulu: University of Hawaii Press.
- Ramlee, P. 1956. "Sekapur Sirih Seulas Pinang" rekod Regal. SREG. 9549 – 1975. Rakam Khanah P. Ramlee, Radio Televisyen Malaysia: Jabatan Penyiaran Malaysia.
- Shamsul, A.B. 1996a. Nations-of-intent in Malaysia. Dlm. Tonnesson, S. & Antlov, H. (pnyt.) *Asian Forms of the Nation*, hlm. 323-347. London: Curzon Press.
- Shamsul, A.B. (pnyt). 2012. *Modul Hubungan Etnik*. Edisi ke-2. Bangi: Institut Kajian Etnik.
- Shamsul, A.B. 2014. *Universiti Kebangsaan Malaysia Pendaulat Amanah Negara: Suatu Tafsiran*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Smith, A.D. 1995. *The Ethnic Origins of Nations*. Oxford: Blackwell Publishers Ltd.
- Wells, W., Moriarty, S., Burnett, J. & Lwin, M. 2007. *Advertising Principles and Effective IMC Practice*. Singapore: Prentice Hall.